

22/07/2002

Ras Adiba berangkat ke Australia malam ini

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas penyampai berita TV3, Ras Adiba Radzi, 33, yang mengalami kecederaan saraf sehingga mengakitkannya lumpuh pinggang ke bawah, akan berlepas ke Sydney, Australia, pada kira-kira jam 10 malam esok untuk menjalani pembedahan, iaitu sehari lebih awal daripada jadual awal.

Ketika ditemui di Pusat Perubatan Pantai lewat petang ini, beliau berkata pemergiannya akan ditemani oleh ibu saudaranya, Wan Zuraidah Abu dan seorang doktor dari pusat perubatan berkenaan, Dr Ernest Yeo.

"Setakat ini saya belum pasti di hospital swasta mana saya akan menjalani rawatan ketika berada di Australia, tetapi semuanya sedang diuruskan oleh pihak Pusat Perubatan Pantai.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang memberikan sokongan dari segi moral dan wang ringgit kepada saya untuk membolehkan saya menjalani rawatan di sana," katanya selepas dikunjungi oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Ong yang menghabiskan masa kira-kira setengah jam bersama Ras Adiba datang bersama isteri, Datin Seri Wendy Ong dan seorang rakan baiknya, Lee Seng Siew dan isteri, Tay Soon Hong.

Mereka turut memberikan sumbangan peribadi kepada Ras Adiba untuk membantu membiayai rawatannya ketika di Australia.

Dr Siti Zaharah pula menyampaikan sumbangan RM5,000 daripada Yayasan Kebajikan Negara kepada Ras Adiba.

Ras Adiba berkata, beliau amat berbesar hati dengan bantuan pelbagai pihak dan terharu dengan keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ong dan Dr Siti Zaharah, yang turut mengunjunginya.

"Dr Mahathir yang mengunjungi saya Khamis lalu meminta saya supaya tidak cepat berputus asa dan kuatkan semangat. Saya tak sangka beliau akan mengunjungi saya, kerana saya hanya orang biasa," katanya.

Sehingga lewat petang ini, Ras Adiba yang memerlukan RM300,000 untuk pembedahannya di Sydney, sudah mengumpul kira-kira RM180,000, sumbangan daripada pelbagai pihak.

Sejak 11 Julai lalu, Ras Adiba mendapat rawatan daripada empat pakar di pusat perubatan itu dan turut menjalani latihan fisioterapi secara intensif dua kali sehari.

Ras Adiba yang lebih mesra dengan panggilan Dib cedera tulang belakangnya apabila terbabit dalam kemalangan jalan raya sewaktu pulang selepas membuat liputan Piala Malaysia pada 1995.